



MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

- 1) PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN TECHNICAL UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES MANNHEIM (THM, JERMAN))**
- 2) PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KIMIA DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN TECHNICAL UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES MANNHEIM (THM, JERMAN))**

KANDUNGAN

1. Kadar Yuran Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan Dengan Kepujian (Kerjasama Dengan THM, Jerman – Ijazah Dual : Penawaran Secara Bersyarat)
2. Kadar Yuran Program Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Dengan Kepujian (Kerjasama Dengan THM, Jerman – Ijazah Dual : Penawaran Secara Bersyarat)
3. Peraturan Dan Arahan Pembayaran Yuran Bagi Kemasukan Sesi Akademik 2026/2027
4. Soalan Lazim

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

**KADAR YURAN PELAJAR BAHARU
SARJANA MUDA SEMESTER PERTAMA**

PROGRAM	JUMLAH YURAN PERLU DIBAYAR SEMESTER 1 (RM)
KADAR YURAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN THM, JERMAN – IJAZAH DUAL : PENAWARAN SECARA BERSYARAT)	RM3,800
KADAR YURAN PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KIMIA DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN THM, JERMAN – IJAZAH DUAL : PENAWARAN SECARA BERSYARAT)	RM2,190

KADAR YURAN PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN TECHNICAL UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES MANNHEIM (THM, JERMAN)
IJAZAH DUAL : PENAWARAN SECARA BERSYARAT

JENIS & KATEGORI YURAN	TEMPOH PENGAJIAN (4 TAHUN) : 3 TAHUN UMPSA, 1 TAHUN THM, JERMAN								JUMLAH KESELURUHAN
	UMPSA (RM)								
	SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4	SEMESTER 5	SEMESTER 6	SEMESTER 7	SEMESTER 8	
A. YURAN KEMASUKAN	600	-	-	-	-	-	-	-	600
B. YURAN PENGAJIAN	2,350	2,350	2,350	2,350	2,350	2,350	2,350	2,350	18,800
C. YURAN PELBAGAI	200	200	200	200	200	200	100	100	1,400
D. YURAN KHAS IJAZAH DUAL	-	-	-	-	-	-	1,070	1,070	2,140
JUMLAH YURAN (A+B+C)	3,150	2,550	2,550	2,550	2,550	2,550	3,520	3,520	22,940
E. YURAN ASRAMA	650	650	-	-	-	-	-	-	1,300
JUMLAH YURAN + YURAN ASRAMA (A+B+C+D+E)	3,800	3,200	2,550	2,550	2,550	2,550	3,520	3,520	24,240
F. KOS-KOS LAIN SARA HIDUP, VISA & TIKET PENERBANGAN	1,850	1,850	1,850	1,850	1,850	1,850	32,282	31,900	75,282
JUMLAH KESELURUHAN YURAN & KOS IJAZAH DUAL	5,650	5,050	4,400	4,400	4,400	4,400	35,802	35,420	99,522

Nota

- Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada pindaan oleh Pihak Universiti
- Pelajar Tahun 1 wajib menginap di asrama
- Yuran Asrama UMPSA adalah RM650/sem dan dicaj kepada yang menginap
- Penempatan asrama pelajar adalah tertakluk kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman

PERHATIAN

1. Program ini adalah berasaskan struktur pengajian THM, Jerman samada Ijazah Tunggal (single degree) atau Ijazah Dual.
2. Yuran pelajar adalah secara pakej iaitu tanpa mengira jam kredit yang diambil pada satu-satu semester dan tanpa mengira lokasi pembelajaran samada di UMPSA atau THM Jerman
3. Pelajar baharu Tahun 1 ditawarkan program Ijazah Tunggal (single degree) terlebih dahulu dan yuran adalah mengikut struktur Ijazah Tunggal (single degree)
4. Pelajar kanan Tahun 3 yang memenuhi keperluan dan kelayakan yang ditetapkan oleh fakulti serta lulus saringan akan ditawarkan untuk program Ijazah Dual UMPSA - THM, Jerman di mana Surat Tawaran Bersyarat (Conditional Offer Letter) akan dikeluarkan oleh Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik (PPKA) berserta dengan struktur yuran. Struktur yuran bagi pelajar yang terpilih untuk Ijazah Dual hanya berbeza pada Semester 7 dan Semester 8 sahaja. Pelajar juga perlu mengambilkira kos sara hidup di Jerman (anggaran kos di Jerman ada dinyatakan di dalam Jadual di bawah untuk rujukan pelajar dan penaja). Pelajar perlu memahami syarat dan menandatangani persetujuan.
5. Struktur jadual yuran yang perlu dibayar kepada UMPSA adalah tidak termasuk kos sara hidup, visa dan tiket penerbangan pelajar ke Jerman. Pelajar persendirian dan penaja pelajar adalah bertanggungjawab untuk membiayai kos tersebut.
6. Pihak fakulti, Pusat Kerjasama Akademik dan Mobiliti serta JHEPA akan membantu pelajar untuk memohon penajaan dan menerangkan dengan jelas program ini dan yuran serta kos yang terlibat.
7. Kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan.

**KADAR YURAN PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KIMIA DENGAN KEPUJIAN (KERJASAMA DENGAN TECHNICAL UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES MANNHEIM (THM, JERMAN)
IJAZAH DUAL : PENAWARAN SECARA BERSYARAT**

JENIS & KATEGORI YURAN	TEMPOH PENGAJIAN (4 1/2 TAHUN) : 3 TAHUN UMPSA, 1 1/2 TAHUN THM									JUMLAH KESELURUHAN
	UMPSA (RM)									
	SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4	SEMESTER 5	SEMESTER 6	SEMESTER 7	SEMESTER 8	SEMESTER 9 (LI)	
A. YURAN KEMASUKAN	600	-	-	-	-	-	-	-	-	600
B. YURAN PENGAJIAN	740	740	740	740	740	740	740	740	740	6,660
C. YURAN PELBAGAI	200	200	200	200	200	200	100	100	100	1,500
D. YURAN KHAS IJAZAH DUAL	-	2,220	2,220	2,220	2,220	2,220	1,070	1,070	1,070	14,310
JUMLAH YURAN (A+B+C)	1,540	3,160	3,160	3,160	3,160	3,160	1,910	1,910	1,910	23,070
D. YURAN ASRAMA	650	650	-	-	-	-	-	-	-	1,300
JUMLAH YURAN + YURAN ASRAMA (A+B+C+D+E)	2,190	3,810	3,160	3,160	3,160	3,160	1,910	1,910	1,910	24,370

F. ANGGARAN KOS-KOS LAIN SARA HIDUP, VISA & TIKET PENERBANGAN	1,850	1,850	1,850	1,850	1,850	1,850	32,282	28,900	31,900	104,182
JUMLAH KESELURUHAN KOS PROGRAM IJAZAH DUAL UMPSA-THM	4,040	5,660	5,010	5,010	5,010	5,010	34,192	30,810	33,810	128,552

Nota

- Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada pindaan oleh Pihak Universiti
- Pelajar Tahun 1 wajib menginap di asrama
- Yuran Asrama UMPSA adalah RM650/sem dan dicaj kepada yang menginap
- Penempatan asrama pelajar adalah tertakluk kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman

PERHATIAN

1. Yuran pelajar adalah secara pakej iaitu tanpa mengira jam kredit yang diambil pada satu-satu semester dan tanpa mengira lokasi pembelajaran samada di UMPSA atau THM, Jerman
2. Pelajar baharu Tahun 1 ditawarkan program Ijazah Tunggal (single degree) terlebih dahulu dan yuran adalah mengikut struktur Ijazah Tunggal (single degree).
3. Pelajar Tahun 1 Sem 2 yang ingin mengikuti program Ijazah Dual perlu mengisi borang permohonan dan perlu diluluskan oleh pihak fakulti. Pelajar akan ditawarkan untuk program Ijazah Dual UMPSA
- THM dan akan diberikan Surat Tawaran Bersyarat (Conditional Offer Letter) yang dikeluarkan oleh Pusat Pemasaran dan Kemasukan (PPK) berserta dengan struktur yuran. Pelajar perlu memahami syarat dan menandatangani persetujuan. Pihak fakulti akan menghantar maklumat pelajar kepada Jabatan Bendahari bagi caj yuran dan tuntutan kepada penaja (jika berkaitan)
4. Sekiranya pelajar tidak layak untuk meneruskan pengajian program Ijazah Dual ini kerana gagal German Language di peringkat B1 atau B2, kadar yuran bagi semester seterusnya adalah mengikut kadar Ijazah Tunggal (single degree). Yuran khas tidak lagi dikenakan kepada pelajar. Pihak fakulti akan mengemaskini dan menghantar maklumat pelajar kepada Jabatan Bendahari bagi caj yuran Ijazah Tunggal.
5. Struktur jadual yuran yang perlu dibayar kepada UMPSA adalah tidak termasuk kos sara hidup, visa dan tiket penerbangan pelajar ke Jerman. Pelajar persendirian dan penaja pelajar adalah bertanggungjawab untuk membiayai kos tersebut.
6. Pihak PKSA dan fakulti serta JHEPA akan membantu pelajar untuk memohon penajaan dan menerangkan dengan jelas program ini dan yuran serta kos yang terlibat
7. Kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
PERATURAN DAN ARAHAN PEMBAYARAN YURAN BAGI KEMASUKAN SESI
AKADEMIK 2026/2027

1. ARAHAN PEMBAYARAN YURAN

- 1.1 Pelajar dikehendaki untuk membuat bayaran selewat-lewatnya 7 hari sebelum pendaftaran dalam talian.
- 1.2 Pelajar dikehendaki membayar yuran mengikut semester sahaja. (sila rujuk kadar yuran).
- 1.3 Semua transaksi pembayaran yuran di UMPSA adalah **SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)**. Pembayaran dalam bentuk **TUNAI TIDAK DITERIMA**. Cek persendirian juga tidak diterima.
- 1.4 Pembayaran boleh dibuat melalui cara:-

NO	KAEDAH-KAEDAH	PENERANGAN
1	Bayaran Melalui FPX Nota penting: Pelajar Baharu digalakkan membuat bayaran melalui FPX supaya transaksi bayaran dikemaskini dengan segera.	a. Klik pada pautan yang disediakan di dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan <i>e-Registration</i> atau klik terus ke pautan <i>e-payment</i> https://epayment.ump.edu.my/efee/eFee.jsp?action=main <i>Student Type : Undergraduate</i> <i>Fee Category : FEE</i> <i>Fee type : Tuition Fee With or Without Hostel</i> b. Sila ikuti arahan seperti di dalam laman tersebut. Panduan Pengguna disertakan.
2	Bayaran Melalui MAYBANK2U	a. Login Maybank2u>>Pay & Transfer>>Pay>>Pay to payee>>pilih new payment dan pilih Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
3	Kaunter Cawangan Bank Islam (Seluruh Negara)	a. Bayaran atas nama BENDAHARI UMPSA, No. Akaun: 06019010071505 melalui Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di mana-mana cawangan di Malaysia dengan menggunakan Slip Pembayaran Bil (<i>Bill Payment Slip</i>) yang disediakan di bank. Semasa bayaran dibuat, sila pastikan No. Matrik Pelajar tertera pada Slip Pembayaran Bil (<i>Bill Payment Slip</i>). Untuk panduan sila rujuk salinan Slip Pembayaran Bil (<i>Bill Payment Slip</i>) halaman 17.

- 1.5 Slip Pembayaran Bil (*Bill Payment Slip*) hendaklah dimuatnaik dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration*. Pelajar juga dinasihatkan membuat salinan untuk tujuan rujukan peribadi.
- 1.6 Pembayaran mengambil masa satu (1) hari bekerja untuk dikemaskini oleh Jabatan Bendahari. Sekiranya dalam tempoh tersebut bayaran pelajar masih belum dikemaskini sila berhubung dengan Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari atau emel collection1@umpsa.edu.my

2. BORANG JAMINAN KEWANGAN

- 2.1 Borang Jaminan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimuatnaik ke dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration*.

3. BORANG PERAKUAN DAN PERMOHONAN BAYARAN MELALUI BANK

- 3.1 Pelajar UMPSA diwajibkan mengisi maklumat akaun pelajar di sistem pendaftaran kemasukan secara atas talian bagi memudahkan semua urusan pembayaran Biasiswa / Pinjaman / Pendahuluan / Pemulangan / Elaun kepada pelajar.
- 3.2 Pelajar perlu membuka akaun bank RHB melalui pautan <https://www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-uni/index.html> (*sila rujuk manual pengguna yang boleh diperolehi di sistem Semakan Calon Pelajar dan e-Registration*) atau di mana-mana cawangan bank RHB yang berhampiran.
- 3.3 Namun jika pelajar masih gagal untuk membuka akaun bank tersebut pelajar boleh mengemukakan maklumat mana-mana nombor akaun bank pelajar yang masih aktif bagi tujuan urusan kewangan pelajar dengan pihak universiti.
- 3.4 Pelajar perlu kemaskini semula maklumat akaun bank RHB apabila telah berjaya membuka akaun bank RHB di portal UMPSA *e-community* pelajar selepas selesai pendaftaran di kampus.

4. PERATURAN PEMULANGAN YURAN PELAJAR BAHARU

1.1 Menarik Diri Daripada Mengikut Program Pengajian

i. Bayaran Yuran Kemasukan

Tiada bayaran akan dikembalikan kepada pelajar yang menarik diri dari Universiti selepas hari pendaftaran.

ii. Bayaran Penuh Yuran Pengajian

- a. Pelajar baharu yang menarik diri dari Universiti dalam tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran, bayaran akan dikembalikan setelah ditolak bayaran Yuran Kemasukan.

Tiada pemulangan diberi sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas tempoh tersebut.

iii. Yuran Penginapan Asrama

- Pelajar baharu yang diluluskan menarik diri di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran, bayaran akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama.
- Semua Pelajar Tahun 1 diwajibkan tinggal di asrama.
- Pelajar yang menarik diri dari menginap di asrama, tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran tertunggak.
- Tiada pemulangan diberikan sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas tempoh tersebut.

Untuk maklumat penuh Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Prasiswazah UMPSA sila layari portal Jabatan Bendahari di <https://bendahari.umpsa.edu.my/index.php/ms/home>

5. SENARAI SEMAK


Sila pastikan perkara-perkara berikut telah diambil tindakan

- i. Slip Pembayaran Bil (*Bill Payment Slip*) Yuran Pengajian telah dimuatnaik dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration* ☐
- ii. Borang Jaminan Kewangan (BEND-1 &2) yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimuatnaik dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration* ☐
- iii. Mengisi maklumat akaun pelajar yang masih aktif dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration* ☐

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pembayaran yuran Program Dual Ijazah, sila hubungi Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari :

No Telefon : 09-431 6096 / 6088
Email : collection1@umpsa.edu.my
Whatsapp : 013 760 7985

**SLIP PEMBAYARAN BIL / BILL PAYMENT SLIP**

- Nama Pelajar -

Name _____

NO. K/P

IC No.

NO. TEL.

Tel. No.

TARIKH

Date _____

BAYAR KEPADA

Pay To

JENIS PEMBAYARAN :

Payment Type

NO. RUJ / NO. AKAUN BIL:

Ref No. /Bill Acc. No. :

WANG TUNAI / *Cash*

RM

DEBIT AKAUN / *Account Debited*

Jumlah Didebit / Debited Amount

RM

SILA PASTIKAN NO. RUJ. ATAU NO. AKAUN BIL DITULIS DI BELAKANG CEK
Please ensure your Ref. No. or Bill Acc. No. is written on the back of your cheque

BANK <i>Bank</i>	NO. CEK <i>Cheque No.</i>	TEMPAT <i>Place</i>	RM	SEN
CEK DITERIMA UNTUK PUNGUTAN SAHAJA/ <i>Cheque are accepted for collection only</i>		JUMLAH <i>Total</i>		
SILA GUNAKAN BORANG YANG BERASINGAN BAGI SETIAP JENIS BIL / <i>Please use separate</i>		TOLAK KOMISEN <i>Less Commission</i>		
<i>slip for each category of bills</i>		JUMLAH BERSIH <i>Net Total</i>		

CEK DITERIMA UNTUK PUNGUTAN SAHAJA/
Cheque are accepted for collection only
SILA GUNAKAN BORANG YANG BERASINGAN
BAGI SETIAP JENIS BIL / *Please use separate*
slip for each category of bills

ASM 38AN-1

No: **G** 880170

TELLER

OFFICER'S VERIFICATION

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
SOALAN LAZIM PELAJAR BAHARU

1. Bagaimanakah cara untuk membuat pembayaran yuran pengajian atau lain-lain yuran?

Pelajar boleh membuat pembayaran yuran melalui kaedah pembayaran seperti berikut:

- i. E-payment - <https://epayment.ump.edu.my/efee/eFee.jsp?action=main>
- ii. Login Maybank2u>>Pay & Transfer>>Pay>>Pay to payee>>pilih new payment dan pilih Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
- iii. Kaunter Bank Islam

Untuk maklumat lanjut sila layari - <https://bendahari.umpsa.edu.my/index.php/ms/home>

2. Berapa yuran sebenar saya kerana saya dapati kadar yang dinyatakan di dalam surat tawaran dan sistem berbeza?

Sekiranya jumlah yuran berbeza antara sistem dan surat tawaran, sila rujuk jumlah yuran di surat tawaran kerana berkemungkinan sistem akan mengambil masa untuk dikemaskini.

3. Bagaimana saya boleh ketahui saya mendapat asrama atau tidak?

Secara lazimnya pelajar tahun pertama layak dan diwajibkan tinggal di asrama, sebarang pertanyaan, boleh hubungi pihak pengurusan asrama seperti dalam direktori yang disediakan.

4. Bolehkah saya membuat pembayaran secara tunai?

TIDAK BOLEH. Segala urusan niaga di UMPSA adalah TANPA TUNAI.

5. Bolehkah saya membuat pembayaran yuran semasa hari pendaftaran?

Tidak digalakkan tetapi dibenarkan sekiranya berlaku hal-hal kecemasan. Universiti menggalakkan pembayaran dilakukan sebelum hari pendaftaran bagi melancarkan lagi proses pendaftaran.

6. Kenapa status bayaran saya masih lagi UNPAID di dalam sistem

Pembayaran mengambil masa satu (1) hari bekerja untuk dikemaskini oleh Jabatan Bendahari. Sekiranya dalam tempoh tersebut bayaran pelajar masih belum dikemaskini sila berhubung dengan Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari.

7. Bolehkan ibubapa saya menjadi penjamin?

Boleh.

8. Bagaimana saya ingin membuat bayaran melalui KWSP

Penjaga/Pelajar boleh membuat permohonan secara atas talian di laman sesawang KWSP selepas pelajar berdaftar dengan UMPsa. [Panduan permohonan pengeluaran KWSP](#) boleh di akses diportal Jabatan Bendahari

<https://bendahari.umpsa.edu.my/index.php/ms/component/sppagebuilder/?view=page&id=81>

9. Saya mendapat penajaan, perlukah saya membuat pembayaran?

Sekiranya pelajar mendapat tajaan dari mana-mana penaja, pelajar perlu memuat naik surat tawaran ke dalam sistem pengesahan pelajar dan memaklumkan kepada Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari melalui email collection1@umpsa.edu.my dengan menyertakan sekali surat tawaran penajaan dari penaja.

10. Perlukah pelajar yang mendaftar lewat dan tidak melalui minggu orientasi membayar yuran orientasi?

Semua pelajar perlu menjelaskan yuran orientasi. Ini kerana yuran tersebut adalah sebagai yuran pendaftaran untuk memasuki universiti.

11. Bagaimanakah saya ingin memohon PTPTN?

Pelajar akan diberi taklimat oleh pihak JHEPA

12. Sekiranya saya menarik diri dari UMPSA setelah membuat pendaftaran adakah saya layak untuk mendapat pulangan balik ke atas yuran yang telah saya jelaskan?

Menarik Diri Daripada Mengikut Program Pengajian

i. Bayaran Yuran Kemasukan

Tiada bayaran akan dikembalikan kepada pelajar yang menarik diri dari Universiti selepas hari pendaftaran.

ii. Bayaran Penuh Yuran Pengajian

Pelajar baharu yang menarik diri dari Universiti dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh pendaftaran, bayaran akan dikembalikan setelah ditolak bayaran Yuran Kemasukan.

Tiada pemulangan diberi sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas tempoh tersebut.

iii. Yuran Asrama

- Pelajar baharu yang **diluluskan menarik diri dari pengajian** di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran, bayaran akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama.
- Pelajar yang **menarik diri dari menginap di asrama**, tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran tertunggak
- Tiada pemulangan diberikan sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas tempoh tersebut

Untuk maklumat penuh Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Prasiswazah UMPSA sila layari portal Jabatan Bendahari di <https://bendahari.umpsa.edu.my/index.php/ms/home>

13. Saya telah membuat transaksi melalui atas talian e-payment-FPX, tetapi transaksi tersebut tidak berjaya. Apa yang perlu saya buat?

Pelajar perlu merujuk Manual Pengguna yang disediakan bagi memastikan maklumat yang dimasukkan adalah betul dan tepat. Kesilapan pelajar memasukkan butiran yang diperlukan adalah merupakan salah satu punca transaksi tidak berjaya.

14. Borang Jaminan Kewangan (BEND.1 & BEND.2)

Borang Jaminan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimuatnaik ke dalam sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration*

15. Sekiranya saya tidak mempunyai akaun bank RHB apakah yang perlu saya lakukan untuk tujuan urusan kewangan dengan pihak Universiti?

Pelajar perlu membuka akaun bank RHB melalui pautan <https://www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-uni/index.html> (sila rujuk manual pengguna yang boleh diperolehi di sistem Semakan Calon Pelajar dan *e-Registration*) atau di mana-mana cawangan bank RHB yang berhampiran.

Namun jika pelajar masih gagal untuk membuka akaun bank tersebut pelajar boleh mengemukakan maklumat mana-mana nombor akaun bank pelajar yang masih aktif bagi tujuan urusan kewangan pelajar dengan pihak universiti.

Pelajar perlu kemaskini semula maklumat akaun bank RHB apabila telah berjaya membuka akaun bank RHB di portal UMPsa *e-community* pelajar selepas selesai pendaftaran di kampus.

16. Urusan pertanyaan berkenaan yuran Program Dual Ijazah/aduan/semakan melalui email rasmi Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari

Sebarang urusan bagi tujuan pertanyaan yuran Program Dual Ijazah/aduan/semakan melalui email rasmi atau hubungi Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari iaitu :-

- i. collection1@umpsa.edu.my @ 094315078
- ii. shahiralatip@umpsa.edu.my @ 094316096/0137607985
- iii. sahidah@umpsa.edu.my @ 094316088

hendaklah disertakan bersama maklumat lengkap pelajar seperti butiran berikut:

Nama Pelajar:

No.Matrik Pelajar:

No.K/P:

No.H/P:

Sebarang urusan tanpa maklumat lengkap pelajar tidak akan dilayan.